



**KENYATAAN AKHBAR  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

***“Peningkatan Kes dan Kematian Denggi Pada Tahun 2013”  
(Situasi Denggi bagi Januari hingga 23 Julai)***

Situasi denggi diseluruh negara pada tahun ini menunjukkan kes mingguan yang dilaporkan masih melebihi 600 seminggu. Jumlah ini jauh lebih tinggi dengan kes mingguan yang dilaporkan pada tahun 2012 iaitu hanya dalam lingkungan 300 hingga 400 seminggu. Keadaan ini juga menyebabkan jumlah kes tahun ini 15% lebih tinggi berbanding tempoh sama pada tahun 2012. Dari Januari sehingga 23 Julai 2013, sejumlah 14,931 kes dilaporkan berbanding hanya 12,910 kes pada tahun lepas (Lampiran 1). Jumlah kematian juga meningkat pada tahun ini dimana pada tempoh sama, sebanyak 29 kematian telah dilaporkan berbanding dengan 25 kematian pada tempoh sama tahun 2012.

Lokaliti wabak denggi diseluruh negara juga terus meningkat iaitu dari 139 lokaliti wabak pada minggu sebelumnya kepada 159 lokaliti wabak pada minggu lepas. Malah 4 lokaliti hotspots atau wabak yang telah berlarutan melebihi satu bulan dilaporkan pada minggu lepas berlaku di negeri Selangor melibatkan daerah Petaling iaitu di Petaling Jaya Selatan (PJS) 10 Kondo Ridzuan, PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C, D), PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G) dan Saujana Puchong SP 7 (Lampiran 2).

Oleh itu, masyarakat Malaysia diminta untuk mengambil berat akan situasi denggi yang terus meningkat dan mempertingkatkan aktiviti membersih kawasan persekitaran didalam dan luar rumah masing-masing dari tempat pembiakan Aedes. Aktiviti mencari dan memusnahkan tempat pembiakan ini mesti dilakukan setiap minggu. Penyakit demam denggi amat berbahaya kerana apabila komplikasi berlaku ianya boleh meragut nyawa pesakit maka mencegah adalah lebih baik daripada merawat denggi.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

23 July 2013

## SITUASI DENGGI DI MALAYSIA DARI JANUARI HINGGA 23 JULAI 2013

Bil	Negeri	Jumlah Kes Terkumpul Jan. hingga 23 Julai 2013		Jumlah Kes Terkumpul 2012 untuk tempoh sama	
		KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
1	Perlis	141	1	114	0
2	Kedah	474	1	487	3
3	Penang	399	2	491	1
4	Perak	1,030	0	904	3
5	Selangor	6,608	7	5,844	11
6	WPKL & Putrajaya	1,176	6	1,218	3
7	N Sembilan	340	0	254	1
8	Melaka	283	1	320	0
9	Johor	2,021	7	937	1
10	Pahang	307	0	389	1
11	Terengganu	168	0	450	0
12	Kelantan	746	1	667	0
13	Sarawak	855	2	555	0
14	Sabah	378	1	272	1
15	WP Labuan	5	0	8	0
	<b>Jumlah</b>	<b>14,931</b>	<b>29</b>	<b>12,910</b>	<b>25</b>

## SENARAI LOKALITI “HOT SPOTS” SEHINGGA 23 JULAI 2013

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Kondo Ridzuan	10	48
2	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A,B,C,D)	31	36
3	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E,F & G)	11	36
4	SELANGOR	Petaling	Saujana Puchong SP 7	20	38

**MAKLUMAT TAMBAHAN MENGENAI “OPS GEMPUR AEDES”**

Aktiviti penguatkuasaan “ops gempur aedes” yang bermula sejak 8 Julai, masih dijalankan di seluruh negara sehingga kini sebanyak 95,970 premis telah diperiksa dan sebanyak 292 kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah nilai RM 146,000. Sejumlah 284 notis telah dikeluarkan kepada pemilik premis di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 untuk tujuan pembersihan premis dan kompaun maksima RM500 akan dikenakan kepada tuan punya premis bagi kesalahan yang berulang, tindakan mahkamah pula boleh dikenakan dengan, denda maksima RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya sekali.